

## **Penggunaan Kaedah Dakwah *Mau'izah al-Hasanah* Terhadap Komuniti Hijrah Gay, Biseksual dan Transgender: Tinjauan Awal**

### ***(The Use of the Da'wah Mau'izah al-Hasanah Method Against the Gay, Bisexual and Transgender Hijrah Community: A Preliminary Survey)***

Mustafa Kamal Amat Misra

Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Universiti Islam Selangor (UIS)  
[mustafakamal@kuis.edu.my](mailto:mustafakamal@kuis.edu.my) (*Corresponding Author*)

Ahmad Ato'a Mokhtar

Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Universiti Islam Selangor (UIS)  
[ahmadatoa@kuis.edu.my](mailto:ahmadatoa@kuis.edu.my)

Muhammad Faiz Mukmin Abdul Mutalib

Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Universiti Islam Selangor (UIS)  
[faizmukmin@kuis.edu.my](mailto:faizmukmin@kuis.edu.my)

Mohd Hakim Arshad

Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Universiti Islam Selangor (UIS)  
[mohdhakim@kuis.edu.my](mailto:mohdhakim@kuis.edu.my)

Muhammad Yusuf Marlon Abdullah

Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Universiti Islam Selangor (UIS)  
[yusufmarlon@kuis.edu.my](mailto:yusufmarlon@kuis.edu.my)

Halim Mokhtar

Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Universiti Islam Selangor (UIS)  
[halim@kuis.edu.my](mailto:halim@kuis.edu.my)

Abdul Haiy Mahmood

Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Universiti Islam Selangor (UIS)  
[21mt09002@student.kuis.edu.my](mailto:21mt09002@student.kuis.edu.my)

Mohd Safarudin Rahim

Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Universiti Islam Selangor (UIS)  
[23mt09001@student.kuis.edu.my](mailto:23mt09001@student.kuis.edu.my)

## ABSTRAK

Kejayaan sesuatu penyampaian dakwah kadangkala terhasil daripada pelbagai kaedah penyampaian yang tidak boleh diabaikan seperti *al-hikmah*, *mau'izah hasanah*, *mujadalah al-husna* dan *qudwah al-hasanah*. Sayyid Qutb berkata kaedah *mau'izah al-hasanah* ialah kaedah yang menerapkan cara yang lemah lembut, menyelami perasaan secara ikhlas tanpa mencela, mencela dan menghina. Malah, ia boleh dikatakan sebagai ucapan yang lembut supaya pendengar tertarik untuk menerimanya. Dalam konteks komuniti penghijrahan gay, mereka adalah lelaki yang mempunyai kecenderungan seksual hanya dengan lelaki, manakala biseksual ialah lelaki yang mempunyai kecenderungan seksual terhadap lelaki yang juga wanita, dan transgender ialah lelaki yang menyerupai wanita atau juga diistilahkan sebagai komuniti mak nyah. Tujuan mengkhususkan kajian kepada tiga komuniti tersebut berbanding komuniti hijrah yang lain seperti lesbian dan lain-lain adalah kerana tiga komuniti tersebut dilihat sebagai komuniti yang terdedah dengan penularan virus HIV yang paling tinggi. Dalam konteks hijrah pula, keadaan mereka diiktiraf sebagai komuniti hijrah oleh badan yang berwibawa, biasanya mereka berazam dengan pasrah dan rendah diri untuk memperbaiki diri kepada kehidupan yang lebih baik dan meninggalkan kehidupan lampau mereka yang maksiat, kaedah dakwah yang sesuai digunakan ialah bimbingan dan nasihat. Justeru, kajian ini bersifat deskriptif dengan tinjauan awal tentang kesesuaian penggunaan kaedah dakwah *mau'izah al-hasanah* dalam membimbing komuniti hijrah gay, biseksual dan transgender.

Kata kunci: *Mau'izah al-Hasanah*, *gay*, *biseksual*, *transgender*

## ABSTRACT

The success of a da'wah delivery sometimes results from various delivery methods that cannot be ignored such as *al-hikmah*, *mau'izah hasanah*, *mujadalah al-husna* and *qudwah al-hasanah*. Sayyid Qutb said the method of *mau'izah al-hasanah* is a method that applies a meek way, delving into feelings sincerely without reproaching, reproaching and insulting. In fact, it can be said to be a gentle speech so that the listener is attracted to receive it. In the context of the gay migration community, they are men who have sexual inclinations only with men, while bisexuals are men who have sexual inclinations towards men who are also women, and transgenders are men who resemble women or also termed as mak nyah community. The purpose of specializing the study to those three communities compared to other migrant communities such as lesbians and others is because those three communities are seen as communities exposed to the highest transmission of the HIV virus. In the context of migration, their condition is recognized as a migration community by an authoritative body, usually they are determined with

resignation and humility to improve themselves to a better life and leave their sinful past, the appropriate preaching method to use is guidance and advice. Thus, this study is descriptive with a preliminary survey on the appropriateness of using the *mau'izah al-hasanah* preaching method in guiding the gay, bisexual, and transgender migration community.

*Keywords: Mau'izah al-Hasanah, gay, biseksual, transgender*

## PENDAHULUAN

Kaedah dakwah secara mudahnya boleh difahami dengan makna cara, kaedah, *uslub* dan *wasail*. Lebih khusus lagi, dalam konteks tajuk artikel ini, maksud kaedah ialah cara merancang segala yang berkaitan dengan dakwah, *wasail* pula bermaksud menggunakan alat untuk menyalurkan *uslub* melaluinya supaya sampai kepada sasaran (Nawfal, 1977: 189, Ali Jarisyah, 1987: 16).

Namun, jika dilihat pada penilaian Syed Abdurahman mengenai perbezaan kaedah, *uslub*, metode dan *wasail* dalam *Jurnal Usuluddin* (31 Disember, 1996) pula lebih perinci. Beliau (1996: 69) mengatakan *uslub* adalah berbeza maksudnya dengan metode (kaedah) dan *wasail*. Ini kerana *uslub* lebih menjurus kepada kebolehan dan kepandaian menyampaikan seruan kepada responden melalui pengolahan bahasa. Namun jika dilihat secara umum, perbezaan makna yang terperinci antara metode (kaedah), *uslub*, *wasail*, cara dan kaedah tersebut tidak dipermasalahkan. Bahkan secara umumnya, istilah-istilah tersebut seperti membawa pendefinisan makna yang sama.

Metodologi (dakwah) boleh diertikan dengan makna jalan, arah tuju dan aliran pemikiran (Syed Abdurahman, 1996: 69). Dari segi istilah pula, metodologi (dakwah) boleh diertikan dengan makna yang menjuruskan kepada kepada penggunaan bahasa dalam berbagai gaya dan bentuk bagi memudah dan mendekatkan kefahaman yang hendak disampaikan kepada sasaran agar dapat difahami dan diterima dengan mudah.

Justeru, dari pengertian bahasa dan istilah metodologi dakwah di atas dapat difahami bahawa metodologi dakwah ialah suatu kreativiti atau seni atau kebolehan dalam mengolah dan menjelaskan sesuatu idea atau maklumat yang disampaikan kepada sasaran dengan matlamat ianya difahami dengan mudah dan diterima. Justeru metodologi dakwah adalah kebijaksanaan di dalam mengolah dan membentangkan isi dakwah sesuai dengan keadaan responden atau *mad'u* dalam usaha meransang hati dan pemikiran mereka agar cenderung kepada isi dakwah tersebut.

Metodologi dakwah adalah seni yang sangat diperlukan oleh pendakwah. Ali Jarisyah (1987: 16) menganalogikan hubungan antara metodologi dakwah dengan pendakwah adalah seperti anak kunci yang membantu pendakwah dapat membuka penutup hati dan akal untuk memberi tindak balas. Tanpa metodologi dakwah yang sesuai, proses dakwah mungkin sedikit sukar dan tidak lancar meskipun pendakwah tersebut memiliki ilmu yang luas dalam bidangnya. Ini kerana ilmu dan pengetahuan merupakan persiapan yang perlu dimiliki oleh pendakwah bahkan ia adalah satu bahagian yang penting untuk menyempurnakan identiti pendakwah (Rafi'e: 30, Ali Jarisyah, 1987: 16).

## METODOLOGI DAKWAH

Oleh kerana konsep dakwah Islam adalah bertujuan merangsang kecenderungan hati dan akal manusia supaya menerima iman, Islam dan ihsan sebagai panduan hidup, dan iman pula merupakan perkara yang berhubungan rapat dengan pemikiran (iman dan Islam) dan hati (ihsan), maka metode penyampaian pendakwah perlu mementingkan tahap kepuasan dan keselesaan hati serta ia memungkin seruan dakwah itu untuk diterima.

Metode penyampaian dakwah boleh diperincikan seperti *targhib* dan *tarhib*. *Targhib* adalah setiap perkara yang dapat menarik dan menjadikan sasaran dakwah selesa serta mudah untuk menerima kebenaran. *Tarhib* iaitu setiap perkara yang boleh menakut dan menggerunkan sasaran untuk tidak menerima seruan dakwah atau menolak kebenaran atau tidak tetap pendirian setelah menerima dakwah (Abd al-Karim Zaidan, 1976: 421). Metode penyampaian dakwah seterusnya seperti metode penceritaan, metode membawa contoh perumpamaan, metode mengajar *mad'u* kepada pilihan perkara yang lebih penting, metode gurau senda, metode dialog dan soal jawab, metode mengambil ruang dan peluang daripada pelbagai keadaan, metode mengajar melalui contoh tauladan dan metode memberi contoh ikutan (*qudwah al-hasanah*).

Allah berfirman dalam Surah al-Nahl ayat 125 yang bermaksud:

Serulah ke jalan Tuhanmu (Wahai Muhammad) dengan hikmah kebijaksanaan dan nasihat pengajaran yang haik. Berbahaslah dengan mereka (yang engkau serukan itu) dengan cara yang lebih baik. Sesungguhnya Tuhanmu jua yang lebih mengetahui akan orang yang sesat dari jalannya, dan Dialah yang lebih mengetahui akan orang-orang yang mendapat petunjuk.

Justeru, berpandukan mafhum Firman Allah di atas, semua metodologi dakwah adalah berpaksi di atas tiga metode utama. Mafhum ayat ini menuntut pendakwah memilih metodologi yang sesuai dengan keadaan tempat, pemikiran *mad'u*, bahasa, adat dan budaya dan keperluan-keperluan sampingan yang lain. Apabila

keseragaman metode tersebut dapat dilaksanakan dengan baik, metode dakwah tersebut secara umumnya telah memenuhi parameter sesuatu metodologi dakwah. Justeru itu proses dakwah tersebut disifatkan sebagai dakwah dengan hikmah iaitu dengan bijaksana, dakwah dengan *mau'izah hasanah* iaitu nasihat yang baik dan dakwah dengan *mujādalāh bi allatī hia aḥsān* iaitu berdialog dengan cara yang lebih baik.

### **METODE DAKWAH MAU'IZAH AL-HASANAH**

Mau'izah berasal daripada perkataan dasar *wa'az*. *Al-wa'azu* bermaksud memberi nasihat atau peringatan terhadap sesuatu akibat yang tidak baik (al-Amadi. 1994: 151). Ia juga diertikan sebagai wasiat dan perintah seperti yang didefinisikan dalam *Misbah al-Munir*. Manakala *mauizah* pula ialah nama kepada peringatan tersebut (al-Fayyumi, 1978: 255).

Bagi al-Alusi, *mauizah al-hasanah* adalah seni percakapan yang memberikan keselesaan kepada pendengar serta susunan kata-kata yang santun yang dipilih bagi menggambarkan maksud kata-kata pendakwah tersebut. Ia bukan kata-kata yang membawa makna terselindung seperti ejekkan, perlihan dan sindiran. Bagi Ibn Kathir pula, *mau'izah al-hasanah* bermaksud memberi nasihat yang baik ialah dengan menyatakan segala tegahan yang terdapat dalam al-Quran dan sunnah serta memberi peringatan terhadap kejadian yang telah menimpa manusia dengan mengingatkan orang ramai tentang kejadian tersebut supaya mereka beringat-ingat dari balasan Allah (Ibn Kathir, Juz 2: 593).

Syed Qutb (juz 4: 2202) dan dalam *Tafsīr fī Zilāl al-Qurān* pula mengatakan, *mau'izah al-hasanah* ialah cara masuk ke dalam hati dengan lemah lembut, menyelami perasaan secara halus, tidak dengan cara herdikan, tidak mencela untuk perkara-perkara yang tidak perlu dicela, bukan dengan cara membuka rahsia dan aib walaupun ia dilakukan dengan niat yang baik (Syed Qutb, juz 4: 2202, Syed Abdul Rahman Syed Husin, t.th).

Justeru boleh dirumuskan bahawa, *mau'izah al-hasanah* adalah metode dakwah yang bersahaja, *humor*, mudah dan disenangi dan gaya penyampaian dakwah yang menjadikan dakwah disukai dan diterima dengan baik oleh *mad'u*.

### **KOMUNITI HIJRAH GAY, BISEKSUAL DAN TRANGENDER: SUATU PENGENALAN**

Menyentuh definisi gay, biseksual dan trangender, pada mulanya perkataan gay digunakan untuk menunjukkan erti bahagia atau senang. Tetapi di negara Inggeris, perkataan ini juga membawa maksud homoseksual. Ia mula digunakan sekitar tahun 1800 (Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 2016). Seiring dengan perkembangan waktu, istilah gay lebih banyak digunakan ke arah maksud homoseksual. Kini

istilah gay lebih khusus digunakan untuk menggambarkan bahawa seseorang yang mempunyai *same-sex attraction* (SSA), kemudian menjadikannya sebagai identiti diri dalam kehidupan sosial. Justeru kini, istilah ini bukan semata-mata menunjukkan rasa ketertarikan seks sesama jenis, tetapi sudah menjadi sebuah identiti dan penerimaan secara keseluruhan tentang kehidupan dirinya sebagai seseorang yang mempunyai orientasi seks sesama jenis. Istilah ini seperti telah menjadi sebuah pilihan identiti seksual dalam kehidupan sosial seseorang yang terlibat tersebut seperti heteroseksual dan biseksual. Mudah-mudahan, gay ini adalah istilah bagi kecenderungan seks seseorang lelaki kepada seseorang lelaki yang lain (Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 2016).

Kemudian, bagi biseksual pula, istilah tersebut digunakan kepada orang yang mempunyai *bisexual orientation*, iaitu ketertarikan seks kepada sesama jenis dan lain jenis secara bersama. Biseksual juga mewakili identiti seksual dalam kehidupan masyarakat selain heteroseksual dan gay. Justeru, biseksual ini difahami sebagai kecenderungan seks seseorang lelaki dengan lelaki dan juga dengan wanita (Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 2016).

Transgender pula adalah istilah untuk menunjukkan keinginan tampil berlawanan dengan jenis kelamin yang dimiliki. Golongan transgender tidak menjadikan jenis kelaminnya sebagai suatu masalah. Sama ada mereka mahu mengubah atau tidak mahu mengubah alat kelaminnya melalui pembedahan. Justeru seseorang yang berjenis kelamin lelaki, mempunyai orientasi heteroseksual, tetapi ingin selalu berhias atau berpenampilan sebagai wanita, maka dia boleh disebut sebagai seorang transgender. Justeru, seseorang lelaki yang berkecenderungan berpenampilan seperti wanita, sama ada menukar alat kelaminnya ataupun tidak, mereka ada yang berkecenderungan untuk aktiviti seks seperti lelaki. Manakala sebaliknya daripada itu adalah mereka yang berkecenderungan beraktiviti seks seperti wanita (Agustini Andriani, 2019: 19).

Apabila transgender difahami sebagai kumpulan yang berkecenderungan dan berposisi kehidupan seperti wanita, mereka diistilahkan sebagai transeksual. Transeksual membawa maksud lelaki yang mahu berpenampilan sebagai wanita sama ada dari sudut kebiasaan hidupnya dan orientasi seksnya secara biologi. Kecenderungan kemahuan mereka berlawanan dengan apa yang dimilikinya semenjak lahir iaitu lelaki. Contohnya, seseorang yang lahir sebagai lelaki, kemudian mereka memutuskan untuk menjadi wanita (secara biologi, kebiasaan, identiti diri dan sebagainya). Perubahan biologi yang diidamkan menjadikan kumpulan ini bertindak untuk menggantikan organ-organ utama yang berkenaan dengan seks kepada bentuk fizikal lawan jenisnya. Kemudian mereka berpenampilan wanita, bertingkah laku wanita, dan menggantikan identiti dirinya secara rasmi sebagai orang berjenis kelamin wanita (Agustini Andriani, t.th: 19).

Justeru, ketiga-tiga kumpulan ini boleh disimpulkan sebagai kumpulan yang berkecenderungan seks antara lelaki dengan lelaki atau *men who have sex with men* (MSM). Istilah ini hampir sama dengan homoseksual namun lebih luas daripada homoseksual itu sendiri. Istilah MSM digunakan untuk menggambarkan lelaki yang melakukan aktiviti seksual dengan lelaki lain tanpa mengambil kira identiti seksual dirinya sebagai lelaki (Jabatan Kemajuan Islam Malaysia).

### **KOMUNITI HIJRAH GAY, BISEKSUAL DAN TRANGENDER: DAKWAH DAN BIMBINGAN**

Laporan tahunan Kementerian Kesihatan Malaysia pada tahun 2018 bertajuk Global AIDS Response Progress Report Malaysia 2016 Ini Ending AIDS By 2030 menyenaraikan empat golongan yang direkodkan sebagai golongan berpotensi tinggi terkesan dengan epidemik AIDS dan HIV di mana kadar jangkitan empat golongan tersebut iaitu:

1. Penagih dadah yang menggunakan jarum suntikan (PWID)
2. Pelacur Wanita atau female sex worker (FSW)
3. Pengamal homoseksual (men sex with men atau MSM)
4. Mak nyah atau transgender (TG)

Dalam konteks statistik peratusan pengamal homoseksual (men sex with men atau MSM) yang terkesan dengan epidemic HIV dilihat daripada empat tahun iaitu 2009, 2012, 2014 dan 2017 (Kementerian Kesihatan Malaysia pada tahun: 2018). MSM sebanyak 3.9% pada tahun 2009, 7.1% pada tahun 2012, 8.9% pada tahun 2014 dan 21.6% pada tahun 2017. Manakala TG pula sebanyak 9.3% pada tahun 2009, 4.8% pada tahun 2012, 5.6 pada tahun 2014 & dan 10.8% pada tahun 2017 (Kementerian Kesihatan Malaysia pada tahun: 2018).

Ini bermakna, golongan gay, biseksual dan transgender adalah penyumbang terbesar epidemic HIV berbanding PWID dan FSW. Hal ini menunjukkan, perhatian rawatan kepada kumpulan gay, biseksual dan transgender tersebut perlu sentiasa dijalankan, dikaji dan ditambah baik (Kementerian Kesihatan Malaysia, 2018).

Hal ini kerana, tidak dinafikan bahawa terdapat sebahagian daripada komuniti tersebut yang mempunyai hasrat untuk berhijrah mahupun yang telah berhijrah. Dengan erti kata lain, mereka berhasrat untuk bertaubat dan tidak mahu terlibat dengan aktiviti-aktiviti komuniti tersebut seperti seks songsang. Namun, pemilihan kaedah dakwah perlu dititik beratkan. Sekiranya kaedah dakwah dengan menggunakan perdebatan dipilih, kebarangkalian untuk komuniti ini kembali kepada kehidupan lampau kemungkinan boleh berlaku. Walaupun terdapat pihak-pihak yang perihatin untuk membantu komuniti ini dalam pelbagai sudut seperti kewangan, pekerjaan, sosial dan pendidikan, namun kesantunan (kelembutan dalam

tindakan dan arahan) terhadap mereka jika diabaikan, komuniti ini dilihat berisiko tinggi untuk kembali kepada kehidupan lampau.

Bagi menyokong komuniti ini dalam penghijrahan mereka kepada mutu kehidupan yang lebih baik, bantuan-bantuan yang disalurkan kepada mereka bagi memastikan komuniti ini mendapat bimbingan yang secukupnya boleh dilihat merangkumi dalam segenap aspek. Ia termasuk bimbingan kaunseling, bantuan kebajikan sosial, ekonomi yang kukuh akan memberi ruang dan peluang kepada komuniti hijrah untuk bangkit dan membina kehidupan baharu dan dakwah pembangunan sahsiah.

Melalui pengalaman Majlis Agama Islam Selangor, komuniti hijrah gay, biseksual dan transgender wajar dibantu kerana mereka tergolong dalam kategori asnaf al-riqab yang berhak menerima zakat. Ini kerana komuniti ini digolongkan sebagai kumpulan yang terbelenggu seperti mana situasinya golongan hamba pada zaman awal perkembangan Islam dahulu. Mereka komuniti yang dibelenggu dengan gaya hidup songsang (Majlis Agama Islam Selangor, 2022). Bahkan, belenggu perhambaan zaman moden lebih berbahaya kepada manusia, bangsa atau kumpulan kerana melibatkan pemikiran, akhlak dan budaya (Nur Anisah Nordin dan Wan Mohd Khairul Firdaus Wan Khairuldin, 2018).

Majlis Agama Islam Selangor, Selangor Malaysia dalam usaha membantu dan merawat komuniti riqab ini, telah menubuhkan Rumah Pemulihan Riqab dengan 13 kategori iaitu:

| <b>Bil.</b> | <b>Kategori Rumah Pemulihan Riqab MAIS</b> | <b>Bilangan Rumah</b> |
|-------------|--|-----------------------|
| 1.          | kategori Akidah                            | 2                     |
| 2.          | kategori Keganasan Rumahtangga             | 1                     |
| 3.          | kategori Sindrom                           | 1                     |
| 4.          | Kategori Mental OKU                        | 2                     |
| 5.          | Kategori LGBT                              | 3                     |
| 6.          | Kategori Kanak-kanak Terabai               | 4                     |
| 7.          | Kategori Kanak-kanak HIV                   | 2                     |
| 8.          | Kategori AIDS                              | 7                     |
| 9.          | Kategori Hiv                               | 9                     |
| 10.         | Kategori Masalah Mental                    | 4                     |
| 11.         | Kategori Masalah Dadah                     | 14                    |
| 12.         | Kategori Masalah Sosial                    | 20                    |
| 13.         | Kategori Perintah Mahkamah                 | 3                     |

Sumber: <https://eriqab.mais.gov.my/rumah>

## **METODE DAKWAH MAU'IZAH AL-HASANAH TERHADAP KOMUNITI HIJRAH GAY, BISEKSUAL DAN TRANGENDER: AKTIVITI RUMAH PEMULIHAN AL-RIQAB**

Pada peringkat ini, pelatih dibantu dengan pemeriksaan terhadap fizikal pelatih iaitu tubuh badan, latar belakang kehidupan pelatih seperti gaya hidup dan perkembangan kehidupan. Pada peringkat ini, proses taaruf antara perawat dengan pelatih dijalankan melalui metode temu bual. Selain dalam mengenalpasti sejarah kehidupan pelatih, menerusi diagnosis awal ini dapat menjalinkan hubungan yang akrab antara perawat dan pelatih. Peringkat ini adalah penting untuk menentukan metode dakwah yang bagaimana sesuai untuk pelatih (<https://eriqab.mais.gov.my/rumah>, 21 September 2023).

Selain pelatih, sesi taaruf juga perlu melibatkan anggota keluarga seperti seperti ayah dan ibu, rakan-rakan, guru dan lain-lain. Perawat boleh membuat lawatan ke rumah pelatih dan rumah keluarganya. Tujuan utama mendiagnosis ahli keluarga pelatih adalah kerana semua orang yang terlibat dalam pemeriksaan dan dapat diketahui keadaan fizikal, mental dan spiritual. Ini bagi memudahkan untuk mengesan unsur-unsur penyakit genetik pada pelatih. Interaksi secara tidak langsung antara perawat dan pelatih adalah dakwah melalui nasihat-menasihati (Hudi @ Jahid Bin Hj Sidek, 2022: 131).

Peringkat seterusnya adalah pelaksanaan aktiviti berkumpul antara perawat dengan pelatih. Pada peringkat ini, unsur-unsur dakwah diaplikasikan dengan lebih tersusun dan bersifat praktikal. Program diisi dengan solat taubat dan solat hajat, aktiviti zikir dan doa. Aktiviti seperti ini meningkatkan daya fokus dalam kehidupan dengan fokus kepada Allah. Secara tidak langsung, masa-masa senggang dalam hidup pelatih yang sebelum ini terisi dengan aktiviti negatif, berubah kepada aktiviti positif. Bahkan mampu mempertingkatkan ketakwaan kepada Allah. Menanamkan benih iman dan rasa malu untuk membuat aktiviti munkar (Hudi @ Jahid Bin Hj Sidek, 2022: 133).

Peringkat ini, program dakwah dan rawatan terhadap pelatih disusun dengan elemen rohani. Ini kerana penyakit utama bagi komuniti gay, biseksual dan trangender adalah masalah pada kecenderungan kehendak mereka. Maka aktiviti yang merangsang hati perlu difokuskan. Elemen-elemen tersebut seperti aktiviti taubat iaitu solat sunat taubat, solat sunat hajat secara berjemaah, mengiringi solat fardhu. Pelatih dibantu untuk mengikis secara beransur-ansur sifat-sifat mazmumah sama ada pada kelakuan buruk zahir dan batin. Bahkan sifat-sifat buruk tersebut lama kelamaan dapat dihindarkan. Dalam masa yang sama juga, kesan sifat-sifat zahir dan batin yang melimpah dari perawat kepada pelatih seperti sabar, syukur, redha, ikhlas, *qana'ah* dan lain-lain (*dakwah bi lisan al-hal*) ([https://www.facebook.com/rawatanmanarah/?locale=ms\\_MY](https://www.facebook.com/rawatanmanarah/?locale=ms_MY), 21 September 2023).

## KESIMPULAN

Metode dakwah *mau'izah al-hasanah* adalah metode dakwah yang sesuai untuk digunakan dalam banyak lapangan dakwah. Kesesuaian untuk diaplikasikan kerana skop aplikasi yang luas. Dalam konteks interaksi dakwah terhadap komuniti hijrah ini, metode *mau'izah al-hasanah* ini sangat sesuai diterapkan semasa proses pendidikan dan pemulihan.

## Rujukan

- Abd al-Karim Zaidan. (1976). *Usul al-Dakwah*. Cet. 3. Maktabah al-Manar al-Islamiyyah.
- Agustini Andriani. (2019). Kajian Teori Eksistensi status Hukum Transeksual Terhadap Perubahan Jenis Kelamin Pasca Penetapan Pengadilan. *Muamalah*, 1, 19.
- Al-Fayyumi, Ahmad Muhammad Ali al-Muqri. (1978). *al-Misbah al-Munir*. Lubnan.
- Ali Jarisyah. (1987). *Manahij al-Dakwah Wa Asalibuh*. Dar al-Wafa'.
- Kementerian Kesihatan Malaysia. (2018). Global AIDS Response Progress Report Malaysia 2016 Ini Ending AIDS By 2030.
- Muhammad Muhammad al-Amadi. (1994). *lrsyad al-Aql al-Salim Ila Mazaya al-Quran al-Karim*. Jil. 5. Dār al-Kutub al-'Ilmīyah.
- Mustafa Sadiq Rafi'e. (2003). *Wahy al-Qalam*. Maktabah al-'Aşriyah.
- Nawfal, Abu al-Majd al-Sayyid. (1977). *Da'wah ilā Allah, Khaşāiṣuhā, Muqāwamatuhā wa Manāhijuhā: Dirāsah al-Muqāranah*. Kaherah.
- Nur Anisah Nordin dan Wan Mohd Khairul Firdaus Wan Khairuldin. (2018). The Position and Distributions of Zakat Asnaf Al-Riqab in Malaysian Zakat Institutions. Dalam. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 8 (4).
- Hudi @ Jahid Bin Hj Sidek. (2022). *Pembinaan Modul Kaedah Rawatan Refleksologi Spiritual Islam (Rsi) dan Penilaian Keberkesanannya di Pusat Rawatan Islam Manarah*. Disertasi Doktor Falsafah. Universiti Malaysia Pahang.
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. (2016). [https://www.islam.gov.my/images/ePenerbitan/Memahami\\_LGBT\\_Dari\\_Perspektif\\_Seorang\\_Muslim.pdf](https://www.islam.gov.my/images/ePenerbitan/Memahami_LGBT_Dari_Perspektif_Seorang_Muslim.pdf).
- Rumah Pemulihan Riqab MAIS. <https://eriqab.mais.gov.my/rumah>.